

## **HADITH-HADITH DALAM KITAB *AL-DURR AL-NAFIS* KARANGAN SHEIKH MUHAMMAD NAFIS IDRIS AL-BANJARI: TAKHRIJ DAN ULASAN**

Mohd Norzi Nasir, Mohd Safiuddin Abdul Haliff, Mohd Asri Ishak

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[mohdnorzi@kuis.edu.my](mailto:mohdnorzi@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Setiap individu muslim berkewajipan memastikan bahawa hadith yang diterima dan diamalkan mempunyai sandaran dan martabat yang kuat. Bagi memastikan sandaran sesuatu hadith maka proses takhrij iaitu menyandarkan atau menunjukkan kedudukan sesuatu hadith kepada sumber-sumber asalnya yang diriwayatkan dengan bersanad oleh penyusun-penyusunnya, serta menerangkan martabatnya menjadi suatu kemestian. Apatah lagi apabila hadith-hadith tersebut termuat dalam buku yang dihasilkan oleh seorang ulama yang tersohor. Kajian ini bertujuan untuk meneliti martabat hadith-hadith yang termuat dalam buku "al-Durr al-Nafis" karya Sheikh Muhammad Nafis Idris al-Banjari. Kajian ini akan memberikan nilai autoriti kitab tersebut daripada aspek pendalilan terhadap sumber-sumber utama di dalam Islam iaitu al-Quran dan al-Hadith. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan menggunakan kaedah analisis data iaitu hadith-hadith dalam kitab al-Durr al-Nafis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hadith-hadith yang menjadi pilihan pengarang dalam buku ini dilihat kadang-kala tidak mencapai martabat hadith yang diterima iaitu kategori hadith sahih dan hasan. Hal ini kerana terdapat sebilangan hadith yang berstatus lemah dan sangat lemah. Status hadith-hadith dalam kitab ini sukar untuk dikenalpasti kerana pengarang hanya mendatangkan matan hadith tanpa menyatakan sanad meskipun perawi di kalangan para sahabat. Jika dilihat, para ulama hadith telah menetapkan bahawa penentuan sesuatu martabat hadith dapat dikenalpasti apabila kajian terhadap sanad dan matan sesuatu hadith dilakukan. Walaubagaimanapun pengarang telah memberikan sumbangan dalam karyanya dengan mendatangkan hadith-hadith baginda s.a.w.*

**Kata kunci:** Hadith-Hadith, al-Durr al-Nafis, Sheikh Muhammad Nafis Idris al-Banjari, Takhrij, Ulasan

## **1. BIOGRAFI PENGARANG DAN PENGENALAN KITAB *AL-DURR AL-NAFIS***

### **1.1 Pengenalan**

Sheikh Muhammad Nafis Idris al-Banjari merupakan seorang ulama Islam Banjar dari wilayah Kalimantan Selatan yang terkenal dalam bidang ilmu tasawuf pada kurun ke-13H/18M. Beliau dikatakan sebagai seorang ulama sufi yang berfahaman wahdat al-wujud. Justeru, kitab tasawuf beliau, al-Durr al-Nafis (Mutiarra Yang Indah) sentiasa diperdebatkan oleh para ulama dan cendekiawan Islam.

Di Malaysia contohnya, kitab ini telah disangah secara ilmiah oleh Prof. Abdul Fatah Haron (2005) dengan menganalisisnya menerusi al-Quran dan Hadith berdasarkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ia secara tidak langsung telah menjadi satu peringatan awal untuk umat Islam berhati-hati, sama ada untuk membaca, meyakini atau mengamalkan ajarannya kerana ia mengandungi banyak kandungan yang bertentangan dengan Syariat dan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Justeru, penulis mengambil langkah ini dengan menulis pengenalan ringkas mengenai beliau sebagai satu kewajaran di saat generasi muda Islam kini kurang mengenali beliau. Hal ini juga dirasakan perlu diketengahkan untuk tatapan masyarakat Islam di Malaysia, khususnya kerana beliau pernah muncul sebagai ulama Islam tersohor di seluruh pelosok Nusantara dan kitabnya juga pernah menjadi rujukan dan bacaan buat umat Islam di Malaysia (dan juga Alam Melayu) satu ketika dulu. Ini semua adalah penting untuk generasi muda Islam meneladaninya dalam setiap aspek kehidupan agar menjadi umat Islam yang berjasa pada agama dan negara.

### **1.2 Biografi Sheikh Muhammad Nafis Al-Banjari**

Nama beliau sebagaimana yang tercatat dalam kitabnya, al-Durr al-Nafis ialah Sheikh Muhammad Nafis bin Idris bin Hussein al-Banjari (al-Banjari 1927), dan al-Banjari itu nisbah kepada negeri Banjar. Beliau lahir sekitar tahun 1148H/1735M, di Kota Martapura, Kalimantan Selatan, Indonesia. Tahun kematiannya tidak diketahui secara tepat oleh sesiapa pun kecuali terdapat pendapat yang mengatakan bahawa beliau telah dikebumikan di Kelua.

Beliau berasal daripada keluarga bangsawan atau kesultanan Banjar. Silsilah dan keturunannya dikatakan bersambung sehingga Sultan Suriansyah (1527-1545M) (Azyumardi 1992). Justeru, ada yang mengatakan silsilah lengkapnya adalah Muhammad Nafis bin Idris bin Husien bin Ratu Kasuma Yoeda bin Pangeran Kesuma Negara bin Pangeran Dipati bin Sultan Tahlillah bin Sultan Saidullah bin Sultan Inayatullah bin Sultan Mustain Billah bin Sultan Hidayatullah bin Sultan Rahmatullah bin Sultan Suriansyah.

Beliau hidup semasa tiga pemerintahan Sultan Banjar, iaitu Sultan Tahlilullah XIV (1707-1745M), Sultan Tamjidullah XV (1745-1778M) dan Sultan Tahmidullah XVI (1778-1808M) (H. Ahmadi 2001). Beliau dikatakan juga hidup sezaman dengan Sheikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Ini disebabkan kerana kedua-duanya pernah belajar di Makkah dan Madinah.

Beliau juga ialah pengikut mazhab Syafie, berhaluan Ahli Sunnah wal Jamaah dengan mengikuti Imam Abu Hassan al-Ash'ari dan bertarekat dengan pelbagai tarekat yang muktabar seperti Qadariyyah (disandarkan pada Sheikh 'Abd al-Qadir al-Jilani), Shatariyyah (Sheikh Abdullah al-Shatari), Naqshabandiyyah mengikuti aliran Baha'uddin al-Naqshabandi, al-Khalwatiyyah atau juga dikenali sebagai Anfasiyyah dan akhir sekali Samaniyyah yang dibawa oleh Sheikh Muhammad bin Abdul Karim Saman al-Madani.

Ia dapat dilihat pada kata-katanya: Di negeri Banjar tempatnya jadi. Makkah tempat diaminya. Syafei akan mazhabnya, iaitu pada fiqh. Ash'ari i'tiqadnya iaitu pada Usuluddin. Junayd ikutannya iaitu pada ilmu tasawuf. Qadariyyah tarekatnya, Shatariyyah pakaiannya. Naqshabandiyyah amalannya, Khalwatiyyah makanannya, Sammaniyyah minumannya (al-Banjari 1347).

### **1.3 Pendidikan**

Semenjak kecil, Sheikh Muhammad Nafis memang sudah menunjukkan bakat dan kecerdasan yang tinggi jika dibandingkan dengan rakan-rakan sebayanya. Bakat dan kecerdasan yang dimilikinya ini membuatkan Sultan Banjar tertarik sehingga dihantar Nafis al-Banjari belajar dan mendalami ilmu-ilmu agama Islam di Makkah.

Nafis al-Banjari telah belajar dengan para ulama yang terkenal, baik yang menetap mahupun yang kadangkala menziarahi dan mengajar di al-Haramain (Makkah dan Madinah) dalam pelbagai cabang ilmu keislaman, seperti Tafsir, Fiqh, Hadith, Usuluddin, dan Tasawuf. Dalam semua bidang ilmu yang dipelajarinya tersebut, bidang tasawuf amat digemarinya.

Justeru, beliau telah menghabiskan banyak masanya dengan mendalami kitab-kitab tasawuf dan berguru dengan guru-guru tasawuf. Antara guru sufinya ialah Sheikh Abdullah bin Hijazi al-Sharqawi (1150- 1227H/1737-1812M), Sheikh Siddiq bin 'Umar Khan, Sheikh Muhammad bin 'Abd al-Karim Saman al-Madani, Sheikh 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-'Aziz al-Maghribi dan Sheikh Muhammad bin Ahmad al-Jauhari (Hawash 1980).

Di samping itu, terdapat juga guru-guru lain yang menjadi guru kepada Nafis al-Banjari, iaitu Sheikh Yusuf al-Aruzi al-Misri dan Sheikh Yusuf Abu Dharrah al-Misri (Wan Muhammad 1973). Selepas beliau begitu mahir dalam ilmu tasawuf dengan menyertai pelbagai tarekat tasawuf dan menguasai ilmu tasawuf, beliau telah diberi ijazah atau kebenaran daripada gurugurunya untuk mengajar ajaran Islam dan membimbing ilmu tasawuf kepada masyarakat Islam.

Kebeneran ini sekali gus melayakkan beliau digelar dengan gelaran 'Sheikh' dan murshid kerana kebolehannya dalam bidang tarekat sufi dan furu'nya (Wan Muhammad Shaghir 2000), serta telah diberi gelaran kehormat, iaitu Mawlana al-'Allamah al-Fahhamah al-Murshid ila Tariqah Salamah.

#### **1.4 Kitab *al-Durr al-Nafis***

Al-Durr al-Nafis (mutiara yang indah) adalah sebuah kitab berbahasa jawi yang telah dikarang pada tahun 1200 H/ 1785M. Ia telah dikarang di Mekah atas permintaan sahabat-sahabatnya pada ketika itu yang ingin mendalami ilmu tasawuf tetapi tidak begitu memahami bahasa Arab.

Kitab tersebut membicarakan tentang akidah, tasawuf dan tarekat. Ia juga mengandungi perbincangan tentang asma' al-husna, sifat-sifat Allah, zat dan af'al Allah, makam-makam kaum sufi, ilmu hakikat dan lain-lain lagi. Objektifnya adalah untuk mengelakkan kaum Salik daripada melakukan syirik tersembunyi (syirik khafi), riya', ujub, sum'ah dan lain-lain lagi serta mencapai matlamat utama iaitu mencari hakikat tentang Allah s.w.t.

Kitab ini banyak mengandungi pendapat ulama seperti Ibn al-Arabi dan Imam al-Ghazali. Ia pernah diharamkan oleh kerajaan Indonesia yang diperintah oleh Belanda pada ketika itu. Para ulama yang menyokong Belanda telah mengeluarkan fatwa yang mengatakan ia adalah sesat dan menyesatkan umat Islam.

Semua itu dilakukan kerana mereka bimbang kepada keupayaan orang Islam yang belajar ilmu tasawuf akan menjadi teguh dan kuat iman sehingga mereka tidak akan gusar dengan kematian dan sekali gus membangkitkan semangat orang Islam Indonesia untuk menentang kerajaan Belanda (Mahyudin Yahya 1986).

Kitab ini pernah giat diterbitkan dan dijual di pasaran di Timur Tengah dan seluruh Nusantara pada satu waktu dahulu. Namun begitu, ia tidak diajar di surau-surau atau pondok-pondok ketika itu kerana ketiadaan guru yang pakar dalam ilmu tersebut. Sekiranya terdapat guru yang mengajarnya, maka, ia juga tidak digalakkan diajar di tempat awam.

Secara kesimpulannya, Sheikh Nafis al-Banjari merupakan seorang ulama tasawuf yang pernah mencatat sejarahnya yang tersendiri di alam Melayu. Jasa dan baktinya pada dunia Islam secara amnya dan pada Indonesia khususnya telah menjadikan Islam bertapak kukuh di kawasan-kawasan pedalaman Kalimantan Selatan dimana ia adalah tempat yang kurang ingin dikunjungi oleh para pendakwah Islam ketika itu.

Disamping itu, jasanya dalam menerapkan semangat juang yang tinggi pada orang-orang Islam Indonesia bagi menentang Belanda, dikatakan sebagai salah satu sebab pengunduran penjajah Belanda dari bumi Indonesia. Walaupun kitabnya al-Durr al-Nafis dikatakan mengandungi fahaman wahdatul wujud dan banyak pertentangan dengan pegangan Ahli

Sunnah Wal Jamaah, namun, kitabnya pernah berada dalam kedudukan yang tersendiri dikaca mata ulama dan umat Islam dahulu.

Kitabnya pernah menjadi rujukan, panduan dan bahan bacaan di pondok-pondok, ceramah-ceramah, kuliah-kuliah agama dan sebagainya. Pendek kata, Nafis al-Banjari dan kitabnya, al-Durr al-Nafis begitu sinonim dengan umat Islam seluruh Nusantara secara khususnya dan seluruh dunia secara amnya pada satu waktu dahulu. Ini bermakna, ketokohan dan jasa beliau sebagai ulama Islam yang pernah berjasa kepada dunia Islam perlulah dikenang senantiasa oleh umat Islam.

## 2. KEDUDUKAN HADITH-HADITH DALAM KITAB *AL-DURR AL-NAFIS*

### 2.1 Hadith Pertama

أنا من الله والمؤمنون مني

Maksudnya:

“Aku daripada Allah s.w.t dan orang-orang mukmin itu daripada aku.”

#### **Takhrij Hadith:**

Berkata al-Amiri<sup>1</sup> hadith ini dikeluarkan oleh al-Daylami tanpa sanad daripada Abdullah bin Jarad. Hadith ini diingkari oleh Ibn Hajar. Hadith ini turut dikeluarkan oleh al-Qawuqji,<sup>2</sup> al-Suyuti,<sup>3</sup> al-Zarkasyi,<sup>4</sup> dan al-Sakhawi.<sup>5</sup>

### 2.2 Hadith Kedua

اللهم هون علي سكرات الموت

Maksudnya:

“Wahai Tuhanku, permudahkan ke atasku sakaratul maut.”

#### **Takhrij Hadith:**

Berkata al-Iraqi<sup>6</sup> hadith ini dikeluarkan dari *muttafaqun alaih* daripada hadith A'isyah. Hadith ini turut ditulis dalam kitab lain oleh al-Iraqi<sup>7</sup> dan juga di dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din*.<sup>8</sup>

<sup>1</sup> Al-Amiri, Ahmad bin Abd Karim. *Al-Jad al-Hasis Fi Bayan Ma Laysa Bihadith*. No hadith 51. Dar Ibn Hazm. Jil 1. Hlm.57.

<sup>2</sup> Al-Qawuqji, Abu al-Muhasan Muhammad bin Khalil. *Al-Lu'lu' al-Marsu' Fi Ma La Asla Lah Au Biaslihi Maudu'*. No hadith 85. Dar al-Bashair al-Islamiyyah. Jil 1. Hlm.50.

<sup>3</sup> Al-Suyuti. *Al-Durar al-Muntasirah Fi al-Ahadith al-Mushtaharah*.

<sup>4</sup> Al-Zarkasyi. *Al-La'lai al-Mansurah Fi al-Ahadith al-Masyurah*. No hadith 36. Dar al-Kutub al-Ilmiah. 1986. Jil 1. Hlm.189. Berkata al-Zarkasyi: Sebahagian para huffaz mengatakan bahawa lafaz ini tidak diketahui daripada Nabi tentang lafaz yang sabit daripada al-Quran dan Hadith ialah *ان المؤمنين بعضهم من بعض*.

<sup>5</sup> Al-Sakhawi, Abdul Rahman. *Al-Maqasid al-Hasanah Fi Bayan Khathir Min al-Ahadith al-Mushtaharah ala al-alsinah*. No hadith 190. Dar al-Kutub al-Arabi. Jilid 1. Hlm.171. Berkata al-Sakhawi: Sesungguhnya lafaz ini palsu. Sebahagian para huffaz tidak mengetahui lafaz ini secara marfu' tetapi sabit daripada al-Quran dan Hadith ialah *ان المؤمنين بعضهم من بعض*.

<sup>6</sup> Al-Iraqi. *Takhrij Ahadith al-Ihya'*. No hadith 4357. Jilid 9. Hlm.357.

<sup>7</sup> Abu al-Fadhl al-Iraqi. *Al-Mugni An Haml al-Asfar*. Tahun 1995. No hadith 4386. Jil 2. Hlm.1211.

<sup>8</sup> *Ihya' Ulum al-Din*. Jilid 7. Hlm.162.

### Ulasan:

Allah s.w.t memudahkan mereka daripada rasa kesakitan tercabut nyawa daripada tubuh badan mereka diwaktu sakratul maut yang ditakuti oleh perasaan hati nabi-nabi dan wali-wali Allah s.w.t sehingga mereka bermohon supaya Allah s.w.t mempermudah sakratul maut itu ke atas mereka. Hinggakan ada diantara mereka dimatikan dalam keadaan sedap dan lazat seolah-olah meminum air yang manis ketika dalam keadaan dahaga dan mendapat kemuliaan dari malaikat. Seperti firman Allah s.w.t dalam surah al-Nahl ayat: 32 yang bermaksud: "Iaitu orang-orang yang diwafatkan dalam keadaan baik<sup>9</sup> oleh para malaikat dengan mengatakan (kepada mereka): "Salaamun'alaikum, masuklah kamu ke dalam syurga itu disebabkan apa yang telah kamu kerjakan".

### 2.3 Hadith Ketiga

إن من العلم كهية المكنون لا يعلمه إلا العالمون بالله تعالى

Maksudnya:

“Sesetengah ilmu itu keadaanya seperti mutiara yang tersimpan dalam hidangan perut ibunya, tidak ada sesiapa yang mengetahuinya melainkan orang-orang yang berilmu dengan Allah s.w.t.”

### Takhrij Hadith:

Berkata al-Albani,<sup>10</sup> hadith ini adalah *daif jiddan* iaitu sangat lemah dan ada juga dalam kitab<sup>11</sup> lain beliau mengatakan sebagai munkar. Ibn Taimiah<sup>12</sup> pula berkata hadith ini tidak mempunyai sanad yang sabit. Hadith ini turut dikeluarkan oleh al-Suyuti,<sup>13</sup> Shamsuddin,<sup>14</sup> dan al-Kalabazi.<sup>15</sup>

### Ulasan:

Orang-orang yang berilmu dengan Allah s.w.t itu ialah orang-orang yang mengenal zat Allah s.w.t, sifat-sifatNya, nama-namaNya dan segala perbuatanNya malah ilmu mereka beserta dengan Allah s.w.t dan mengamalkan apa yang diketahuinya tanpa mencederakannya walau sedikit pun. Menurut Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya Ulum al-Din*, “Sesungguhnya dilarang menceritakan rahsia itu kerana kecacatan fahaman (pengetahuan orang-orang awam) untuk menerimanya.” Sambung beliau, “tidak syak lagi sesungguhnya rahsia itu tertakluk kepada segala faedah yang ada dalam agama dan tidak terkeluar daripada apa yang ada dalamnya, sudah tentu tidak terlepas daripada menzahirkannya kepada orang lain iaitu kepada ahlinya.”

<sup>9</sup> Maksudnya: wafat dalam keadaan suci dari kekafiran dan kemaksiatan atau dapat juga bererti mereka mati dalam keadaan senang kerana ada berita gembira dari malaikat bahawa mereka akan masuk syurga.

<sup>10</sup> Muhammad Nasiruddin bin al-Haj Nuh al-Albani. *Silsilah al-Ahadith al-Daifah Wa al-Maudu'ah Wa Asaruha al-Sayyi' Fil al-Ummah*. No hadith 870. Dar al-Ma'arif. Tahun 1992. Jil 2. Hlm.262.

<sup>11</sup> Muhammad Nasiruddin bin al-Haj Nuh al-Albani. *Silsilah al-Da'ifa*. No hadith 5116. Dar al-Ma'arif. Jil. 11. Hlm.118.

<sup>12</sup> Ibn Taimiah. *Al-Ahadith Wa al-Athar*. No hadith 117. Jil 1. Hlm.18.

<sup>13</sup> Jalaluddin al-Suyuti. *Jami' al-Ahadith*. No hadith 8481. Jil 9. Hlm.308. Mengambil kata-kata dari al-Iraqi, hadith ini diriwayatkan dari Abu Abdul Rahman al-Salmi dalam 40 ilmu tasawuf dengan sanad yang lemah.

<sup>14</sup> Shams al-Din Abul al-Aun Muhammad bin Ahmad bin Salim al-Safarini al-Hanbali. *Lawami' al-Anwar al-Bahiyah Wa Sawati' al-Asrar al-Asariyyah Li Syarh al-Durrahal-Mudiyyah Fi Aqd al-Firqah al-Murdiyyah. Muassasah al-Khafiqin Wa Maktabatuha, Damsyik*. Tahun 1982. Jil 1. Hlm.195.

<sup>15</sup> Muhammad al-Kalabazi Abu Bakar. *Al-Ta'rif Li Mazhab Ahl al-Tasawuf*. Dar al-Kutub al-Ilmiah. Jil 1. Hlm.87.

## 2.4 Hadith Keempat

عرفت ربي بربي

Maksudnya:

“Aku kenal akan Tuhanku dengan Tuhanku (dengan anugerahNya kepadaku).”

### Takhrij Hadith:

Hadith ini dikeluarkan oleh al-Qari,<sup>16</sup> Mahmud bin Abdul Razak<sup>17</sup> dan beberapa kitab<sup>18</sup> yang lain tanpa dinyatakan nama penulis kitab.

## 2.5 Hadith Kelima

كنت كنزا مخفيا فأحببت أن أعرف فخلقت الخلق في عرفوني

Maksudnya:

“Aku adalah perbendaharaan yang tersembunyi, maka Aku kasih akan orang yang mengenal Aku, maka Aku jadikan (zahirkan) makhluk (iaitu Nabi kita Muhammad s.a.w) supaya mengenal Aku.”

### Takhrij Hadith:

Berkata al-‘Ajluni<sup>19</sup> yang mengambil kata-kata dari Ibn Taimiah bahawa hadith ini bukan dari kalam Nabi s.a.w dan tidak mengetahui padanya sanad sahih dan juga tidak lemah. Dan diikuti oleh Zarkashi, al-Hafiz Ibn Hajar dalam al-La’la’i, al-Suyuti dan lain-lain. Hadith ini turut dikeluarkan oleh Sheikh Ali Hashishi,<sup>20</sup> Ali bin Sultan al-Qari,<sup>21</sup> al-Mula Ali al-Qari,<sup>22</sup> dan Doktor Abu Shahbah.<sup>23</sup>

### Ulasan:

Apabila sempurna kejadian Nabi Muhammad s.a.w itu di alam ini, maka dijadikan kepadanya segala alam yang lain. Oleh sebab itu, roh nabi kita Muhammad s.a.w adalah bapa segala roh, sama seperti Nabi Adam a.s adalah bapa segala tubuh.

## 2.6 Hadith Keenam

يا جابر إن الله خلق قبل الأشياء نور نبيك من نوره

Maksudnya:

<sup>16</sup> Al-Mula Ali al-Qari. *Mirqat al-Mafatih Syarh Mishkat al-Masabih*. Jil 8. Hlm.113.

<sup>17</sup> Mahmud bin Abdul Razak. *Maqhum al-Qadr Wa al-Huriyyah ‘Ind Awail al-Sufiyyah*. Jil 1. Hlm.143.

<sup>18</sup> *Faid al-Qadir*. No hadith 8860. *Dar al-Kutub al-Ilmiah*, Beirut. Tahun 1994. Jil 6. Hlm.235. *Ihya’ Ulum al-Din*. Jil 6 Hlm.258. *Mausu’at al-Rad ‘Ala al-Sufiyyah*. Jil 78. Hlm.118.

<sup>19</sup> Al-‘Ajluni, Ismail bin Muhammad al-Jarahi. *Khashf al-Khafa Wa al-Muzil al-Ilbas Amma Ishtahara Min al-Ahadith Ala alsinat al-Nas*. No hadith 2016. *Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi*. Jil 2. Hlm.132. Berkata al-Qari makna sebenar dari al-Quran iaitu وما خلقت الجن والإنس إلا ليعبدون seperti yang ditafsirkan oleh Ibn Abbas.

<sup>20</sup> Sheikh Ali Hashishi. *Silsilah al-Ahadith al-Wahiyah*. Jil 1. Hlm.269.

<sup>21</sup> Ali bin Sultan Muhammad al-Harawi al-Makki al-Hanafi. *Al-Rad Ala al-Qailin Bi Wahdat al-Wujud*. Dar al-Ma’mun Lil Turath, Damsyik. Tahun 1995. Jil 1. Hlm.68.

<sup>22</sup> Al-Mula Ala al-Qari. *Mirqat al-Mafatih Syarah Mushkat al-Masabih*. Jil 16. Hlm.322.

<sup>23</sup> Muhammad bin Muhammad Abu Shahbah. *Al-Israiliyyat Wa al-Maudu’at Fi kitab Tafsir*. Maktabah al-Sunnah. Jil 1. Hlm.15.

“Wahai Jabir, sesungguhnya Allah s.w.t telah menjadikan sebelum ada segala sesuatu nur Nabimu iaitu dijadikannya daripada ZatNya.”

### **Takhrij Hadith:**

Hadith ini dikeluarkan oleh al-Laknawi<sup>24</sup> dan juga dalam kitab sufi<sup>25</sup> yang tidak dinyatakan nama pengarang.

### **Ulasan:**

Fahamlah kita bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad s.a.w adalah daripada nur zat Allah s.w.t. Oleh sebab itulah Allah s.w.t memberi nama nur zat Allah itu dalam al-Quran yang mulia dengan nama ‘nurNya’. Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al-Maidah ayat 15 yang bermaksud: “Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah s.w.t, dan Kitab yang menerangkan.”<sup>26</sup>

## **2.7 Hadith Ketujuh**

من عرف الله كل لسانه

Maksudnya:

“Barangsiapa mengenal Allah s.w.t dengan sebenar-benarnya, nescaya kelu lidahnya kerana dia berada dalam amar zauq.”

### **Takhrij Hadith:**

Hadith ini dikeluarkan oleh Jamaluddin<sup>27</sup> dan al-Mula Ali al-Qari.<sup>28</sup> Juga dikeluarkan dalam kitab yang sama tetapi jilid lain.

### **Ulasan:**

Sesungguhnya Allah s.w.t itu *maujud* pada tiap-tiap *zarrah wujud* iaitu melalui *syuhud* kita terhadap hakikatNya dan *QuyumNya* jika berupaya mengenal zatNya tanpa *hulul* dan *ittihad* dan juga *kaifiyat*. Jika melalui *syuhud* terhadap sifat *qudratNya* dan kebesaranNya, maka kita tidak berupaya mengenal zatNya kecuali sifatNya sahaja. Hal ini demikian kerana kebanyakan *auliya* sehabis sampai kepada *makrifat* Allah s.w.t hanya sampai kepada sifatNya sahaja dan tidak ada berupaya sampai mengenal zatNya melainkan segala *auliya* yang berada di bawah kaki nabi kita Muhammad s.a.w.

## **2.8 Hadith Kelapan**

سبحانك ما عرفناك حق معرفتك

Maksudnya:

“Maha Suci Engkau Ya Allah, tidak dapat kami mengenal Engkau dengan sebenar-sebenarnya pengenalan Engkau. Malah lidah mereka terasa kelu untuk mengatakannya.”

<sup>24</sup> Al-Laknawi, Abdul Hay. *Al-Athar al-Marfu'ah Fi al-Akhbar al-Maudu'ah*. Dar al-Kutub Ilmiah. Jil 1. Hlm.42.

<sup>25</sup> *Mausu'ah al-Rad Ala al-Sufiah*. Hlm.2.

<sup>26</sup> Cahaya maksudnya: Nabi Muhammad s.a.w. dan Kitab maksudnya: Al-Quran.

<sup>27</sup> Jamal al-Din Abu Faraj Abdul Rahman bin Ali bin Muhammad al-Jauzi. *Talbis al-Iblis. Dar al-Fikr Li Tiba'ah Wa al-Nashr*. Jil 1. Hlm.306.

<sup>28</sup> Al-Mula Ali al-Qari. *Mirqat al-Mafatih Syarh Mishkat al-Masabih*. Jil 1. Hlm.256.

### **Takhrij Hadith:**

Hadith ini dikeluarkan oleh Badr al-Din al-Aini,<sup>29</sup> al-Karmi<sup>30</sup> dan juga dari kitab Faid al-Qadir<sup>31</sup> tanpa nama pengarang.

### **Ulasan:**

Ma'rifat Allah s.w.t jika seseorang itu sudah merasainya, nescaya ia tahu dengan sendirinya tanpa bersusah payah ia bercerita. Orang-orang *arif* sendiri tidak dapat memperkenalkannya dan memberitahunya dan mereka tidak berupaya memberikan perumpamaannya sebagaimana yang disebutkan dalam hadith di atas.

## **2.9 Hadith Kesembilan**

كان الله ولم يكن شيء معه

Maksudnya:

“Adalah Allah s.w.t itu padahal tidak ada sesuatu besertaNya.”

### **Takhrij Hadith:**

Hadith ini dikeluarkan oleh al-Sheikh Abdul Aziz al-Raji,<sup>32</sup> al-Tuwaijiri,<sup>33</sup> Abdullah bin Muhammad al-Raniman,<sup>34</sup> dan al-Kawari<sup>35</sup> yang mengatakan hadith dari Sahih Bukhari dan dalam kitab al-Kauthari Wa Ta'liqatuhu<sup>36</sup> mengatakan hadith ini dari riwayat sahih lain.

## **2.10 Hadith Kesepuluh**

لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم

Maksudnya:

“Tidak berdaya menjauhkan maksiat dan tidak berupaya mengerjakan ketaatan melainkan dengan daya dan upaya Allah s.w.t, Tuhan Yang Maha Tinggi Lagi Maha Besar.”

### **Takhrij Hadith:**

Hadith ini dikeluarkan oleh al-Tibrizi<sup>37</sup> dan dari kitab yang berbeza<sup>38</sup> dalam mengeluarkan hadith ini tanpa nama pengarang.

<sup>29</sup> Badr al-Din al-Aini al-Hanafi. *Umdat al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. No hadith 1865. Tahun 2006. Jil 34. Hlm.28.

<sup>30</sup> Mari' bin Yusof al-Karmi al-Maqdisi. *Aqawil al-Thiqat Fi Ta'wil al-Asma' Wa al-Sifat Wa al-Ayat al-Mukhkamat Wa al-Mutashabihat*. Muassasat al-Risalah-Beirut. Jil 1. Hlm.45.

<sup>31</sup> Faid al-Qadir. No hadith 2170. *Dar al-Kutub al-Ilmiah-Beirut*. Tahun 1994. Jil 2. Hlm.250.

<sup>32</sup> Al-Sheikh Abdul Aziz al-Raji. *Syarh Kitab al-Tauhid Min Sahih al-Bukhari*. No hadith 7418. Jil 1. Hlm.50.

<sup>33</sup> Hammad bin Abd al-Muhsin bin Ahmad al-Tuwaijiri. *Syarh al-Fatawa al-Hamwiyah*. Jil 1. Hlm.485.

<sup>34</sup> Abdullah bin Muhammad al-Raniman. *Syarh Kitab al-Tauhid Min Sahih al-Bukhari*. Jilid 1. Hlm.360.

<sup>35</sup> Kaamilah al-Kawari. *Qadm al-A'lam Wa Taslith al-Hawadith Bayn Ibn Taimiah Wa al-Falasifah*. Jil 1, Hlm.145.

<sup>36</sup> *Al-Kauthari Wa Ta'liqatuhu*. Jil 1. Hlm.16.

<sup>37</sup> Al-Sheikh Wali al-Din Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah al-Khatib al-Amri al-Tibrizi. No hadith 680. Jil 2. Hlm.769.

<sup>38</sup> *Majmu' Muallafat Tarikh al-Rafidah*. Jilid 51. Hlm.25. Dan *Man Qatala al-Husien r.a*. Jilid 1. Hlm.21.

### Ulasan:

Apabila kita sentiasa memandang keadaan sesuatu perkara itu dengan penuh keyakinan bahawa semua yang datang itu adalah dari Allah s.w.t, kita akan terlepas dari sangkaan bahaya itu. Kita akan melihat dengan mata kepala dan mata hati bahawa segala *wujud majazi* ini terhapus di bawah cahaya nur kewujudan Allah s.w.t yang sebenar. Dengan keadaan demikian maka jadilah ia *musyahadah*. Musyahadah bermaksud berpandangan iaitu tidak bercampur antara pandangan zahir dan batin, maka barulah sampai kepada makan *wahdatul afaal*. Wahdatul afaal bermaksud mengesakan Allah s.w.t pada semua perbuatan, iaitu menfana'kan segala perbuatan makhluk sama ada perbuatan dirinya atau lain pada perbuatan Allah s.w.t.

### 3. KESIMPULAN DAN PENUTUP

Secara ringkasnya apa yang dapat disimpulkan dalam kajian ini adalah berkenaan dengan pengarang kepada kitab *al-Durr al-Nafis* iaitu Sheikh Muhammad Nafis Idris al-Banjari adalah seorang yang mempunyai semangat yang tinggi dalam menuntut ilmu. Beliau menimba ilmu di pelbagai tempat di Nusantara dan juga di negara Arab iaitu Mekah dan Madinah. Kesan dari ketekunan itu, beliau telah mengarang beberapa buah buku dan diantaranya ialah buku *al-Durr al-Nafis* ini yang mengkhususkan kepada ilmu tasawuf.

Hasil penelitian buku ini dibahagikan kepada beberapa tema. Pembahagian tema ini membuktikan kehebatan ilmu dan pengetahuan luas pengarang dalam bidang tasawuf. Diantara tema yang menjadi tumpuan pengarang dalam kitab ini ialah *tauhidul afaal* (mengesakan segala perbuatan), *tauhidul asma'* (mengesakan segala nama), *tauhidus sifat* (mengesakan segala sifat), *tauhiduz zat* (mengesakan zat), *makam fana' dan makam baqa' billah* (binasa dan kekal dengan Allah s.w.t), *nuktah* (masalah yang halus dikeluarkan dengan sehalus tilik dan fikir), *tatimmah* (penyempurnaan) dan *takmilah* (penyempurnaan risalah). Pembahagian itu dibahagikan secara secara teratur dan sistematik sehingga dapat memudahkan pembaca untuk memahami setiap topik perbahasan dengan pemahaman yang sebenar. Namun begitu, didapati wujud perbahasan tentang tasawuf yang sukar untuk difahami bagi pengkaji-pengkaji yang masih baru dan bertatih dalam ilmu tasawuf.

Hadith-hadith yang menjadi pilihan pengarang dalam buku ini dilihat kadang-kala tidak mencapai martabat hadith yang diterima iaitu kategori hadith sahih dan hasan. Hal ini kerana terdapat sebilangan hadith yang berstatus lemah dan sangat lemah. Status hadith-hadith dalam kitab ini sukar untuk dikenalpasti kerana pengarang hanya mendatangkan matan hadith tanpa menyatakan sanad meskipun perawi di kalangan para sahabat. Jika dilihat, para ulama hadith telah menetapkan bahawa penentuan sesuatu martabat hadith dapat dikenalpasti apabila kajian terhadap sanad dan matan sesuatu hadith dilakukan. Walaubagaimanapun pengarang telah memberikan sumbangan dalam karyanya dengan mendatangkan hadith-hadith baginda s.a.w.

Hadith-hadith yang didatangkan oleh pengarang telah memberikan manfaat kepada para pembaca dan masyarakat menerimanya dengan terbuka kerana ilmu yang dibawakan merangkumi pelbagai aspek akidah dan juga kerohanian. Maka buku ini mendapat tempat dan rujukan di pondok-pondok, ceramah-ceramah, kuliah-kuliah agama dan sebagainya. Walaubagaimanapun disarankan pihak-pihak yang berautoriti untuk mengkaji buku ini agar umat Islam di negara ini mendapat maklumat yang benar dan tepat serta tidak bersikap taklid buta menerima sesuatu riwayat ataupun sandaran yang tidak sahih. Namun, kitabnya pernah berada dalam kedudukan yang tersendiri dikaca mata ulama dan umat Islam dahulu.

Hadith adalah sesuatu yang harus dijaga dengan baik dari segi sanad dan matannya. Hadith telah mendapat tempat di hati setiap perawi sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Namun pada kurun ketiga barulah hadith dibukukan dengan baik. Hadith telah dikumpul dan dibukukan oleh perawi hadith pada zaman tersebut. Hal ini kerana agar hadith dapat dipelihara dari pemalsuan dan dapat dijaga kemaslahatannya.

Namun begitu, kita mestilah merujuk kepada ulama-ulama hadith untuk mengetahui kesahihan hadith tersebut dengan memahami metode-metode yang diguna pakai seperti yang penulis lakukan terhadap hadith-hadith dalam kitab *al-Durr al-Nafis* ini iaitu mentakhrij hadith-hadith tersebut supaya kita dapat mengetahui martabat hadith tersebut sama ada ia diterima atau ditolak.

Secara ringkasnya, dapat penulis nyatakan disini bahawa apabila seseorang hendak mentakhrij hadith, syarat yang mesti dimiliki adalah sebagaimana berikut:

- a) Memiliki ilmu pengetahuan yang luas mengenai ilmu Bahasa Arab.
- b) Mengenalpasti ilmu *'Ulum al-Hadith* dan istilah-istilah yang berkaitan dengannya.
- c) Memiliki pengetahuan yang memadai mengenai kitab-kitab hadith, metodologi pengarangnya, cara penyusunan dan tingkatannya.
- d) Mempunyai kemahiran tentang kaedah takhrij, kelebihan dan kelemahannya, lebih daripada dapat mengenalpasti kitab-kitab yang boleh digunapakai menerusi jenis-jenis metodologi takhrij yang sedia ada.
- e) Memiliki sifat sabar ketika melakukan kerja takhrij dan tidak boleh dikerjakan dalam keadaan tergesa-gesa.

Akhirnya, pengetahuan kita dalam mendalami ilmu berkaitan hadith ini dapat menambahkan lagi keimanan kita kepada Allah s.w.t demi mencari sumber sebenar yang disarankan oleh ulama terdahulu dalam mengambil pesanan dari hadith-hadith Rasulullah s.a.w untuk panduan kita di dunia dan akhirat. Insha Allah.

#### 4. BIBLIOGRAFI

- Syeikh Abdullah Basmeih. 2000. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Cet. 11. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abu Abdul Rahman, Muhammad Asyraf bin Amir bin Ali bin Hidir. *Syarq al-Haq, al-Azim al-Abadi, Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*. Jil. 13. Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Abbasi, Abu Bakar bin Abi Shaibah, Abdullah bin Muhammad bin Ibrahim bin Uthman bin Khawasiti. *al-Musannaf Fi al-Ahadith Wa al-Athar*. Jil 6. Maktabah al-Rusyd, al-Riyadh.
- Abu Laith, Muhammad. 2003. *'Ulum al-Hadith Asiluh Wa Mu'asiruh*. Malaysia: Dar al-Shakir.
- al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin Husin bin Ali. *Sunan al-Kubra Wa Fi Zillah al-Jauhar al-Naqi*. Jil. 10. Majlis Dairat al-Ma'arif al-Nazamiyyah al-Kainah Fi al-Hind.
- al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin Husin bin Ali bin Musa al-Khurasani. 2003. *Shuab al-Iman*. Jil. 3. Maktabah al-Rusyd Li al-Nasyr Wa al-Tauzi' Bi al-Riyadh Bi Taawun Ma'a al-Dar al-Salafiyah Bi Bombay, al-Hind.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah al-Ju'fi. *Sahih al-Bukhari*. Jil. 8. Dar Tuq al-Najah.

- al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah bin Abdul Rahman bin al-Fadl bin Bahram bin Abd al-Samad. 2000. *Sunan al-Darimi*. Jil. 3. Dar al-Mughni Li al-Nasyr Wa al Tauzi', al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Su'udiyah.
- Al-Adlabi, Salah al-Din bin Ahmad. 1983. *Manhaj al-Naqd*. Dar al-Afaq al-Jadidah.
- al-Albani, Muhammad Nasiruddin bin al-Haj Nuh. *Silsilah al-Ahadith al-Daifah Wa al-Maudu'ah Wa Asaruha al-Sayyi' Fil al-Ummah*. No hadith 870. Dar al-Ma'arif. 1992
- al-Albani, Abu Abdul Rahman Muhammad Nasiruddin bin al-Haj Nuh. *Sahih Mawarid al-Zam'ani Ila Zawaid Ibn Hibban*. Dar al-Sam'i Li al-Nasyr Wa al-Tauzi', Riyadh, al-Arabiyyah al-Saudiyyah. 2002. Jil 2.
- al-'Ajluni, Ismail bin Muhammad al-Jarahi. *Khashf al-Khafa Wa al-Muzil al-Ilbas Amma Ishtahara Min al-Ahadith Ala alsinat al-Nas*. No hadith 2016. *Dar Ihya' al-Turath al-Arabi*. Jil 2
- al-Amiri, Ahmad bin Abd Karim. *Al-Jad al-Hasis Fi Bayan Ma Laysa Bihadith*. Jil. 1. Dar Ibn Hazm.
- Akhlaq al-Ulama' Li al-Ajurri*. Jil. 1.
- al-Asbahani, Abu Nuaim Ahmad bin Abdullah bin Ahmad bin Ishak bin Musa bin Mahran. 1974. *Hilyah al-Auliya' Wa Tabaqat al-Asfiya'*. Jil. 7. Mesir: Al-Saadah-Bi Jiwar Muhafazah.
- al-Asbahani, Abu Nuaim Ahmad bin Abdullah bin Ahmad bin Ishak bin Musa bin Mahran. *Sifat al-Jannah*. Jil. 1. Dar al-Ma'mun Li al-Turath, Damsyik.
- al-A'zami, Muhammad Diya' al-Rahman. 2003. *Dirasat fi al-Jarh wa al-Ta'dil*. Cet. 2. Saudi Arabia: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Banjari, Muhammad Nafis. 2014. *Mutiara Yang Indah*. Penysn. Amdan bin Hamid. Cek. 7. Johor: Percetakan Impian Sdn. Bhd.
- al-Baihaqi, Ahmad bin Husin bin Ali bin Musa al-Khurasani, Abu Bakar. 2003. *Shu'ab al-Iman*. Jil 3. Maktabah al-Rasyd Li al-Nashr Wa Tauzi' Bi al-Riyadh Bi Ta'awun Ma'a al-Dar al-Salafiah Bi Bombay al-Hind.
- al-Baghdadi, Ubaidullah bin Abdul Rahman bin Muhammad bin Ubaidullah bin Said bin Ibrahim bin Abdul Rahman bin Auf al-Aufi, al-Zahiri, al-Qurashi, Abu al-Fadl. 1998. *Hadith al-Zahiri*. Jil 1. Al-Adwa' al-Salaf, Riyadh.
- Faisal Ahmad Shah. 2010. *Takhrij Hadith: Teknik Pencarian Hadith Yang Tepat Dan Berkesan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Fauzi bin Deraman. 1998. *Kedudukan Hadith Dalam Kitab-kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-karya Syeikh Dawud bin Abdallah al-Fataniy*. Latihan Ilmiah: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- al-Hakim, Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah al-Naisaburi. *Ma'rifa'ulum al-hadith*. Jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Hanafi, Ali bin Sultan Muhammad al-Harawi al-Makki. 1995. *Al-Rad Ala al-Qailin Bi Wahdat al-Wujud*. Jil. 1. Dar al-Ma'mun Lil Turath, Damsyik.
- al-Hanbali, Shams al-Din Abul al-Aun Muhammad bin Ahmad bin Salim al-Safarini. 1982. *Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah Wa Sawati' al-Asrar al-Asariyyah Li Syarh al-Durrahal-Mudiyyah Fi Aqd al-Firqah al-Murdiyyah*. Jil. 1. Muassasah al-Khafiqin Wa Maktabatuha, Damsyik.
- al-Hanafi, Badr al-Din al-Aini. 2006. *Umdat al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. Jil. 34.
- al-Hashishi, Al-Sheikh Ali. *Silsilah al-Ahadith al-Wahiyah*. Jil. 1.
- al-Haut, Muhammad bin Darwish bin Muhammad. *Asna' al-Matalib Fi Ahadith Mukhtalifah al-Maratib*. Jil. 1. Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Humaydi, Muhammad bin Fath. *Al-Jam' Bayn al-Sahihayn al-Bukhari Wa Muslim*. Jil. 3. Dar al-Nashr.

- Ibn Hajar al-Asqalani. *Hadyu al-sari muqaddimah fath al-bari*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban bin Ahmad bin Hibban bin Muaz bin Ma'bud, al-Tamimi, 1988. *al-Ihsan Fi Taqrib Sahih Ibn Hibban*. Jil. 3. Mu'asasat al-Risalah, Bayrut.
- Ibn Rajab, Abu al-Farj, 'Abd. al-Rahman bin Ahmad bin Rejab al-Hanbali. 1987. *Jami' al-Ulum Wa al-Hikam*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn al-Salah. 1972. *'Ulum al-hadith*. Madinah: Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Ibn Taimiah. *Al-Ahadith Wa al-Athar*. Jil. 1.
- Ibn Qayyim al-Jauziah. *Tahzib Sunan Abi Daud Wa Idah Mushkilatih*. Jil. 2. *Ihya' Ulum al-Din*. Jil. 6.
- Mausu'at al-Rad 'Ala al-Sufiyyah*. Jil. 78.
- 'Itr, Nur al-Din. 1997. *Manhaj al-naqd fi 'ulum al-hadith*. Cet. 3. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Iraqi, Abu al-Fadl. 1995. *al-Mughni An Haml al-Asfar*. Jil. 2. *Maktabat Tabriyyah*.
- al-Iraqi, Abu al-Fadhl. *Takhrij Ahadith al-Ihya'*. Jil. 9.
- Isbat Ulu Allah Wa Ma Bayanatuh Li Khalqih*. Jil. 1.
- al-Jauzi, Jamal al-Din Abu Faraj Abdul Rahman bin Ali bin Muhammad. *Talbis al-Iblis*. Jil. 1. Dar al-Fikr Li Tiba'ah Wa al-Nashr.
- al-Kalabazi, Muhammad Abu Bakar. *Al-Ta'rif Li Mazhab Ahl al-Tasawuf*. Jil. 1. Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Kalabazi, Abu Bakar Muahammad bin Abi Ishak bin Ibrahim bin Ya'qub al-Bukhari al-Hanafi. 1999. *Bahr al-Fawaid al-Masyhur Bi Ma'ani al-Akhbar*. Jil. 1. Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Khadir bin Ahmad & Ishak Hj. Suliaman. 2007. *Autoriti Hadith Dalam Kitab Tasawuf Tulisan Jawi: Satu Kajian Terhadap Kitab Hidayah al-Salikin*. AL-BAYAN Journal of Al-Quran & al-Hadith. Vol.5. Department of Al-Quran & al-Hadith, Academy of Islamic Studies Universiti of Malaya.
- al-Khatib, Muhammad 'Ajaj. 1989. *Usul al-Hadith 'Uluumu Wa Mustalahuhu*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Kawari, Kaamilah. *Qadm al-A'lam Wa Taslith al-Hawadith Bayn Ibn Taimiah Wa al-Falasifah Al-Kauthari Wa Ta'liqatuhu*. Jil. 1.
- al-Laknawi, Abdul Hay. *Al-Athar al-Marfu'ah Fi al-Akhbar al-Maudu'ah*. Jil. 1. Dar al-Kutub Ilmiah.
- Majd al-Din Abu al-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad al-Jazri Ibn al-Athir. *Jami' al-Usul Fi Ahadith al-Rasul*. Jil. 4. Al-Maktabah al-Hilwani.
- Majmu' Muallafat Tarikh al-Rafidah*. Jil. 51.
- Mahayudin Yahaya. 1986. *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Jil. I (A-G). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmud bin Abdul Razak. *Mafhum al-Qadr Wa al-Huriyyah 'Ind Awail al-Sufiyyah*. Jil. 1. *al-Maulud al-Nabawi Bayn al-Masyhuriyah Wal al-Bid'iyyah*. Jil. 1.
- Mausu'at al-Rad Ala al-Sufiyyah*. Jil. 89.
- al-Maqdisi, Mari' bin Yusof al-Karmi. *Aqawil al-Thiqat Fi Ta'wil al-Asma' Wa al-Sifat Wa al-Ayat al-Mukhkamat Wa al-Mutashabihat*. Jil. 1. Muassasat al-Risalah-Bayrut.
- Mohd. Khafidz bin Soroni. 2009. *Kaedah-kaedah Takhrij Al-Hadith*. Selangor: KUIS.
- al-Mubarakfuri, Abu al-HAsan Abdillah bin Muhammad Abdul Salam bin Khan Muhammad bin Amanullah bin Hisam al-Din al-Rahmani. 1984. *Mar'ah al-Mafatih Syarah Mushkatu al-Masabih*. Jil. 2. Idarah al-Bahusu al-Ilmiah Wa al-Da'wah Wa al-Iftau', al-Jamiah al-Salafiah, Bi Naris Hindi.
- Al-Mula Ali al-Qari. *Mirqat al-Mafatih Syarh Mishkat al-Masabih*. Jil. 8.

- Muslim, Muslim bin Hajjaj. *Sahih Muslim, Muqaddimah*, bab *Bayan Anna al-Isnad Min al-Din*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi
- Muhammad bin Muhammad Abu Shahbah. *Al-Israiliyyat Wa al-Maudu'at Fi kitab Tafsir*. Jil. 1. Maktabah al-Sunnah.
- al-Nasa'i, Abu Abdul Rahman Ahmad bin Shuaib bin Ali al-Khurasani. 1986. *Al-Sunan al-Sughra Li al-Nasa'i*. Jil. 3. Maktab al-Matbu'ah al-Islamiah.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Sharaf al-Nawawi al-Dimashqi. 1987. *Sahih Muslim bi sharh al-Nawawi*. Jil. 1. Misr: al-Matba'ah al-Misriyyah wa Maktabatuha.
- al-Niyasaburi, Abu al-Abbas Muhammad bin Ishak bin Ibrahim bin Mahran al-Khurasani al-Ma'ruf Bi Sarraj. 2002. *Musnad al-Sarraj*. Jil 1. Idarah al-Ulum al-Athariah.
- Nozira Salleh. 2011. *Pengenalan Ringkas Sheikh Muhammad Nafis al-Banjari*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. UKM Bangi, Selangor.
- al-Qaradawi, Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf. 2000. *Kaifa Nata'amal Ma'a Al-Sunnah Al-Nabawiyyah*. Misr: Dar al-Shuruq.
- al-Qadir, Faid. 1994. Dar al-Kutub al-Ilmiah-Beirut. Jil. 2.
- Al-Qadi Muhammad bin Abdullah Abu Bakar bin al-Arabi al-Ma'arifi al-Ishbili al-Maliki. *Al-Nas al-Kamil Li Kitab al-Awasim Min al-Qawasim*. Jil. 1. Maktabah Dar al-Turath, Mesir.
- Al-Qasimi, Muhammad Jamal al-Din. 1978. *Qawa'id al-Tahdith Min Funun Mustalah al-Hadith*. Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyyah.
- Al-Qawuqji, Abu al-Muhasan Muhammad bin Khalil. *Al-Lu'lu' al-Marsu' Fi Ma La Asla Lah Au Biaslihi Maudu'*. Jil. 1. Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- al-Raniman, Abdullah bin Muhammad. *Syarh Kitab al-Tauhid Min Sahih al-Bukhari*. Jil.1.
- al-Raji, Al-Sheikh Abdul Aziz. *Syarh Kitab al-Tauhid Min Sahih al-Bukhari*. Jil. 1.
- Al-Sakhawi, Abdul Rahman. *Al-Maqasid al-Hasanah Fi Bayan Khathir Min al-Ahadith al-Mushtahah ala al-alsinah*. Jil. 1. Dar al-Kutub al-Arabi.
- Al-Shafi'e, Muhammad bin Idris. *al-Risalah*. Mesir: Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Subhi Saleh. 1988. *'Ulum al-Hadith Wa Mustalahuhu*. Bayrut: Dar al-'Ilm.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. 1978. *Tadrib al-Rawi Bi Syarh al-Nawawi*. Madinah: Maktabat al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyuti, Jalaluddin. *Al-Durar al-Muntasirah Fi al-Ahadith al-Mushtahah*.
- Syed Abdul Majid Ghouri. 2011. *Pengenalan Ilmu Mustalah al-Hadith*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Syed Abdul Majid Ghouri. 2013. *Hadis: Jurnal Ilmiah Berwasit, Artikel-artikel Berorientasikan Kajian dan Penyelidikan Dalam Bidang Hadis*. Bil. 5. Institut Kajian Hadis (INHAD): KUIS.
- al-Tahhan, Mahmud. 1996. *Usul Takhrij wa Dirasah al-Asanid*. Riyad : Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tawzi.
- Al-Tahhan, Mahmud. 1997. *Taisir Mustalah al-Hadith*. Terj Zain al-Muttaqin, Yogyakarta: Titian Ilahi Press.
- al-Tibrizi, Al-Sheikh Wali al-Din Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah al-Khatib al-Amri. Jil. 2.
- al-Tirmizi, Muhammad bin Isa bin Surah bin Musa bin al-Dahhak. 1998. *al-Jami' al-Kabir Sunan al-Tirmizi*. Jil. 4. Dar al-Gharb al-Islami.
- al-Tuwaijiri, Hammad bin Abd al-Muhsin bin Ahmad. *Syarh al-Fatawa al-Hamwiyah*. Jil. 1.
- Wan Muhammad Wan Ali. 1973. *Suntingan dan Anotasi Sebuah Kitab Tasawuf Melayu Kurun Ketiga Belas Hijrah/ Kelapan Belas Masihi; ad-Durr al-Nafis karangan*

- Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari*. Latihan Ilmiah Sarjana. Institut Bahasa, Kesusteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan, Malaysia.
- Wan Muhammad Shaghir Abdullah. 2000. *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia, Melayu*. Vol. 8. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniah.
- Al-Zarkasyi. 1986. *Al-La'lai al-Mansurah Fi al-Ahadith al-Masyhurah*. Jil. 1. Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Dr. Mohd. Nizam Sahad. 2008. Takhrij al-Hadith Sahkan Kesahihan Hadith. *Utusan Malaya* . 24 Mac.
- Siti Ainiza Kamsari. 2009. Kepentingan Takhrij Hadith. *Utusan Malaya*, 10 Mac
- Ishardhini Widyaningtyas. 2013. <http://www.pesantrenglobal.com/syeikh-muhammad-nafis-al-banjari-sufi-agung-nusantara/>. html. 11 Disember.